

08 MAY 2001

Zainal-Umno

ZAINAL ABIDIN ZIN TUNGGU UNTUK LIHAT HUKUMAN ATAS PEMBUAT TUDUHAN

JOHOR BAHRU, 8 Mei (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Bagan Serai Datuk Zainal Abidin Zin yang didapati tidak bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno berkaitan pemilihan bahagian parti baru-baru ini, berkata beliau menunggu untuk melihat tindakan yang bakal dikenakan ke atas orang yang membuat tuduhan itu.

"Alhamdulillah, saya bersyukur Tuhan menunjukkan perkara yang benar... namun saya rasa sedih dibicarakan atas tuduhan yang palsu, saya rasa teraniaya," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas keputusan Lembaga Disiplin Umno yang mendapati beliau tidak bersalah.

Sabtu lepas Lembaga itu yang dipengerusikan oleh Tengku Ahmad Rithaudeen mendapati tiga ketua Umno bahagian bersalah terbabit dalam politik wang semasa pemilihan peringkat bahagian dan membatalkan kemenangan mereka.

Tiga pemegang jawatan lain yang turut didapati bersalah juga dilucutkan jawatan mereka manakala Zainal Abidin, yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri bersama beberapa lagi ketua bahagian dan anggota yang lain didapati tidak bersalah dan dibebaskan.

Zainal Abidin berkata walaupun beliau tahu tuduhan itu palsu dan beliau tidak melakukan sebagaimana yang dituduh, beliau tetap memberikan kerjasama penuh kepada panel penyiasat itu.

Beliau berkata tindakan perlu dikenakan terhadap pembuat tuduhan dalam kes yang didapati tidak benar bagi mengelakkan anggota Umno membuat lebih banyak tuduhan dengan sewenang-wenangnya.

Beliau berkata apa juga bentuk tindakan itu terpulanglah kepada peruntukan parti kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga presiden parti dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri sudah membuat kenyataan bahawa tindakan akan diambil.

Zainal Abidin juga berkata semasa dibicarakan, beliau diberitahu oleh panel penyiasat bahawa kalau tuduhan itu didapati palsu pembuat tuduhan akan dikenakan tindakan.

Beliau berkata anggota panel itu bersikap teliti dan menyeluruh serta mencari bersungguh-sungguh bukti atas setiap tuduhan, namun mereka juga membuka peluang untuk pihak yang kena tuduh membuat rayuan.

-- BERNAMA

MNY NMO